



**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 2014**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PELAKSANAAN PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN  
(GOVERNMENT GREEN PROCUREMENT – GGP)**

**TUJUAN**

Surat Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk memberi makluman awal mengenai inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement - GGP*) serta memberi kesedaran dan galakan bagi meningkatkan pengetahuan Agensi dalam menjayakan pelaksanaan GGP di Malaysia.

**LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) pada 23 Oktober 2012, yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah memutuskan bahawa Kementerian Kewangan berperanan sebagai penyelarasan kepada GGP sebagaimana yang terkandung di bawah Program MyHIJAU yang diselenggarakan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Program MyHIJAU terdiri daripada empat (4) komponen iaitu MyHIJAU Perolehan, MyHIJAU Direktori, MyHIJAU Pelabelan serta MyHIJAU Industri dan PKS.

3. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pula bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian berkaitan Penggunaan dan Pengeluaran Mampan (*Sustainable Consumption and Production*). GGP merupakan komponen utama di dalam kajian tersebut.

## **DEFINISI GGP**

4. GGP merujuk kepada perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di sektor Kerajaan dengan mengambil kira kriteria dan standard alam sekitar untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi serta meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar dan sumber semulajadi yang berpunca daripada aktiviti manusia.

## **JAWATANKUASA PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN**

5. Selaras dengan MTHPI, Jawatankuasa Pemandu Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement Steering Committee - GGPSC*) telah ditubuhkan pada 11 Julai 2013 bagi memandu dan menyelaraskan pelaksanaan GGP. GGPSC dipengerusikan bersama oleh Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK), Kementerian Kewangan dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dengan dianggotai oleh agensi-agensi yang berkaitan.

6. Pelan Tindakan Jangka Pendek (*Short Term Action Plan*) GGP telah dibangunkan bagi tujuan pelaksanaan GGP. Pelan ini merupakan rancangan tindakan jangka pendek bagi tempoh mulai Julai 2013 sehingga Disember 2014 mengenai kaedah pelaksanaan GGP.

7. Jawatankuasa Kerja Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement Working Committee - GGPWC*) turut ditubuhkan bagi memastikan semua rancangan di bawah Pelan Tindakan Jangka Pendek GGP dapat dilaksanakan dengan teratur. Sehubungan itu, projek-projek perintis akan dilaksanakan secara berperingkat selaras dengan Pelan Tindakan Jangka Pendek GGP. Kementerian yang telah dipilih sebagai Agensi perintis adalah Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

8. Dalam tempoh pelaksanaan Pelan Tindakan Jangka Pendek GGP, satu Pelan Tindakan Jangka Panjang GGP yang merangkumi dasar dan pelaksanaan GGP oleh semua Agensi Kerajaan turut akan dirangka.

## **PERANAN AGENSI**

9. Agensi hendaklah bersiap sedia ke arah pelaksanaan GGP dengan mempertingkatkan pemahaman dan pengetahuan semua pegawai Agensi berkaitan inisiatif Hijau selaras dengan perkembangan semasa. Sebagai persediaan awal, Agensi boleh mengenal pasti bidang-bidang perolehan Kerajaan yang bersesuaian untuk pelaksanaan GGP di Agensi masing-masing.

10. Sementara menunggu pelaksanaan GGP sepenuhnya, Agensi juga perlu bertindak secara proaktif dengan melaksanakan Inisiatif Hijau dan perkara lain yang berkaitan seperti penggunaan tenaga dan sumber secara efisien, pengamalan konsep *Life Cycle Costing*, Pengurusan Nilai dan sebagainya.

## **RUJUKAN**


11. Untuk sebarang maklumat lanjut berkenaan Pelan Tindakan Jangka Pendek GGP dan inisiatif Hijau di Malaysia, Agensi boleh merujuk kepada laman sesawang [www.scpmalaysia.gov.my](http://www.scpmalaysia.gov.my). Agensi boleh mengemukakan sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini kepada alamat emel [ggp@treasury.gov.my](mailto:ggp@treasury.gov.my) atau [g\\_scp@epu.gov.my](mailto:g_scp@epu.gov.my).

## **PENUTUP**

12. Agensi Kerajaan adalah dipohon untuk membuat persediaan sewajarnya ke arah pelaksanaan GGP kelak.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
(**Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah**)  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan

**10** April 2014

s.k.    Ketua Setiausaha Negara  
          Ketua Audit Negara  
          Akauntan Negara Malaysia  
          Semua Pegawai Kewangan Negeri